

ABD RAZAK
Hussin



zak@ukm.my

Melebar demokrasi pendidikan tinggi

Berita Harian 23/06/2010

MS 33

MEMENUHI undangan menghadiri Konvokesyen Ke-8 Open University Malaysia (OUM) pada 19 Jun 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) seolah-olah berada di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Menemui bekas warga seperti Naib Canselor, beberapa dekan dan pentadbirnya menimbulkan rasa bahagia kerana budaya cemerlang yang dipupuk UKM, universiti yang didirikan atas jerih payah rakyat, dipanjangkan oleh bekas warganya.

Melihat wajah dewasa graduan memberikan isyarat kepada negara, betapa pendidikan tinggi perlu terus didemokraskan. Justeru, kewujudan OUM sejak 10 tahun lalu oleh inisiatif kerajaan adalah satu langkah tepat. Wajah riang graduan dan keluarga adalah cerminan satu kepuasan daripada perjalanan akademik yang sukar bagi pelajar yang sedang bekerja dan menggalas pelbagai tanggungjawab. Tanggungjawab besar itu dicerna sebagai penjawat jawatan sama ada dalam sektor awam atau swasta, sebagai suami atau isteri, sebagai bapa atau ibu juga sebagai anggota masyarakat yang memegang jawatan atau ahli biasa dalam pelbagai organisasi sivil.

Itulah yang digambarkan wakil graduan yang dijemput menyampaikan ucapan. Dengan penuh emosi, beliau melakarkan mengenai kepayahan mengurus pelbagai perkara yang harus disesuaikan dengan pembelajaran, serta pengorbanan yang mesti dilakukan bukan saja oleh pelajar tetapi keluarga juga. Dalam hal ini, bahkan kefahaman dan sokongan majikan amat diperlukan. Dalam tempoh 10 tahun itu, bukan sedikit bilangan pelajar yang tidak meneruskan perjalanannya disebabkan ketidakupayaan mengatasi pelbagai halangan yang melanda proses pembelajaran. Namun, bagi sebahagian besarnya berpegang kepada prinsip, tiada sesuatu pun yang dapat mematahkan semangat seseorang yang memang berjuang untuk menempa kejayaan.

Sebahagian besar graduan itu ialah guru sekolah. Justeru, Profesor Emeritus Tan Sri Anuar Ali, Presiden dan Naib Canselor, merakamkan dedikasi dalam sebahagian ucapannya kepada golongan berkenaan. Beliau menyebut bahawa tanggungjawab guru semakin mencabar termasuk mengasuh murid dengan nilai kebersamaan, hormat-

menghormati, bertoleransi dan cintakan negara. Ia tentunya dapat dilaksanakan oleh graduan, dengan spektrum baru dan lebih luas yang dipelajari di OUM. Beliau mengungkapkan dunia ini bagaikan sebuah kelas yang besar. Pada mulanya kita menjadi murid dan kemudian kita menjadi guru. Kita sentiasa diperhatikan dan dicontohi. Oleh itu, jadilah contoh ikutan yang terbaik.

OUM sudah memberi makna demokrasi dalam pendidikan tinggi dan menerima sambutan amat memberangsangkan khususnya daripada guru. Dengan peluang terbuka khususnya dorongan dan insentif yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran kepada guru, Laela Asenan mendaftar sebagai pelajar pada 2006, tanpa pengetahuan suaminya yang sudah menamatkan pengajian dari UKM menerusi Program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) beberapa tahun lalu. Semangatnya begitu kuat untuk belajar mempertingkatkan ilmu pengetahuan dalam pendidikan rendah dengan major matematik. Hanya selepas setahun, suaminya yang juga seorang pengetua sekolah di Kuching, mengetahui bahawa isterinya sedang meneruskan pengajian peringkat ijazah sarjana muda. Itupun kebetulan beliau terjumpa modul OUM dalam kereta isterinya. Sayu hatinya melihat kekentalan semangat isteri yang juga terilham daripada perjalanan sukarnya ketika belajar secara PJJ di UKM.

Demikianlah konsep pembelajaran sepanjang hayat yang menjadi pegangan guru, selain menjadi faktor rangsangan kepada anak dan murid mengenai kepentingan ilmu pengetahuan. Ini ditambah lagi dengan ruang demokrasi pendidikan tinggi yang terbuka luas oleh OUM sesuai dengan motonyanya "Universiti untuk Semua". Ia bermaksud, bahawa pendidikan tinggi adalah hak setiap individu, tidak kira umur, bangsa, keupayaan fizikal dan kedudukan sosio-ekonomi. Seajar dengan moto ini, OUM mengamalkan konsep kemasukan fleksibel. Pengalaman pembelajaran diambil kira untuk kemasukan ke program akademik tertentu. Ini termasuk memberi diskaun kepada warga emas yang lahir sebelum atau pada 31 Ogos 1957 dan golongan kurang upaya agar mereka juga boleh menikmati pendidikan tinggi. OUM turut mengorak langkah berani ke-

“*Tanggungjawab guru semakin mencabar termasuk mengasuh murid dengan nilai kebersamaan, hormat-menghormati, bertoleransi dan cintakan negara. Ia tentunya dapat dilaksanakan oleh graduan, dengan spektrum baru dan lebih luas yang dipelajari di OUM*”

Anuwar Ali

Presiden dan Naib Canselor OUM

arena antarabangsa dan menubuhkan pusat pembelajaran di Yaman, Bahrain, Maldives, Sri Lanka dan Ghana selain Hungary yang sedang diusahakan.

Seperti diperingatkan Canselor, Tun Jeanne Abdullah, Malaysia yang bergerak menjadi sebuah negara maju berasaskan pengetahuan dan inovasi, tentunya memerlukan modal insan berilmu pengetahuan tinggi. Dalam hal ini OUM sudah memperlihatkan komitmennya berusaha memenuhi hasrat itu. Kepada graduan, beliau mengingatkan bahawa ilmu itu adalah amanah, perlu diamalkan dan tidak disia-siakan. Beliau menyeru melangkahlah kepada masyarakat dengan pemikiran yang kuat untuk terus belajar, hati yang penuh keterujaan untuk menyumbang dan tangan yang sentiasa bersedia untuk mengangkat orang lain serta menghayati peringatan Saidina Ali bin Abi Talib bahawa “ilmu yang paling rendah mutunya ialah ilmu yang berlegar di hujung lidah dan ilmu yang paling tinggi ialah yang melahirkan kesan baik kepada tingkah laku dan anggotanya.

Penulis ialah Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat UKM